

# **PENDIDIKAN ISLAM KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM): SATU ANALISIS DARI PERSPEKTIF PENDIDIKAN LUQMAN**

oleh  
Abdul Rashid Ahmad

## **Abstract**

*The study is an attempt to analyse the content of the syllabus of Islamic Education of the currently practised integrated secondary school curriculum (KBSM) in the perspective of the method of Luqman's teaching his children as mentioned in the Quran of which the main contents were **aqidah, ibadah and akhlak**. The study confirms that the syllabus bears the contents of Luqman's teaching as well as covering some other aspects history, civilisation, economy and Islamic Law and society in accordance with its aim of creating an ethical and hardworking young generation in facing the challenges of the future.*

## **Pendahuluan**

Asas-asas pendidikan Luqman berdasarkan intisari ajarannya yang terdapat di dalam Surah Luqman (al-Qur'an 31: ayat 12-19) dapat dibahagikan kepada 3 asas utama, iaitu Asas Akidah, ibadah dan Akhlak.

Kajian ini merupakan suatu analisis tentang hubungkait di antara asas-asas pendidikan Luqman di atas dengan Pendidikan Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Untuk tujuan tersebut, tumpuan khusus dibuat terhadap Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Buku Teks dan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia berbanding asas-asas pendidikan Luqman tadi.

## **Status Matapelajaran Pendidikan Islam**

Pendidikan Islam merupakan matapelajaran wajib bagi semua peringkat persekolahan. Langkah ini adalah selaras dengan pernyataan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan dalam Perlembagaan Malaysia. Pendidikan Islam KBSM

sebagaimana disebut dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam 1988 merupakan kesinambungan daripada Program Pendidikan Agama Islam, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Tumpuan utama Pendidikan Islam KBSM ialah Tilawah Al-Qur'an dan Ulum Syar'iyah.<sup>1</sup>

Dalam tilawah al-qur'an, penumpuan terhadap kemahiran membaca, memahami, menghafaz, mengambil pengajaran dan hikmat daripada al-Qur'an. Manakala Ulum Syar'iyah pula adalah ilmu pengetahuan yang mencakupi bidang Akidah, Ibadah, Akhlak dan Sirah Nabawiyah yang merangkumi Sejarah, Tamadun Islam serta penonjolan tokoh ilmuan Islam dalam pelbagai bidang ilmu dahulu dan sekarang. Kedua bidang ini merupakan kesepaduan ilmu yang dapat melahirkan insan saleh yang diredai Allah Ta'ala.

### 1. Asas Akidah Dalam Pendidikan Islam KBSM

Pendidikan Luqman sangat mengutamakan kemurnian akidah dan kesucian iktikad dan kepercayaan. Yang demikian adalah dengan mentauhidkan Allah s.w.t dalam setiap aspeknya; Rububiyah, Uluhiyah dan al-Asma' wa al-Sifat (Nama-nama dan sifat-sifat Allah). Tauhid yang murni hanya akan dapat dicapai apabila menolak sepenuhnya sebarang bentuk syirik. Demikianlah rahsia firman Allah s.w.t sewaktu menceritakan pengajaran Luqman kepada anaknya di dalam firman-Nya:

يٰۤاِبْنٰى لَا تُشْرِكْ بِاللّٰهِ اِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيْمٌ ﴿١٧﴾

*"Wahai anak kesayanganku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain). Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."*<sup>2</sup>

Pengajaran Luqman dari segi akidah dapatlah dianggap sebagai pengetahuan asas yang wajib dipercayai seorang muslim, kerana beriman dan mentauhidkan Allah adalah merupakan asas bagi bangunan Islam seluruhnya. Malah ia juga bagaikan asas kepada rukun-rukun iman yang lain seperti percayakan Malaikat, Kitab-kitab, Rasul, Hari Kiamat dan sebagainya.

<sup>1</sup>Lihat, Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam*, 1988 (Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka), h. 3.

<sup>2</sup>Surah Luqman, Ayat : 17

### **A. Bidang Ulum Syar'iyah**

Apabila kita melihat kepada asas akidah dalam Pendidikan Islam KBSM, khususnya di bidang Ulum Syar'iyah. Maka didapati ianya dimulai dengan menanam asas-asas akidah Islamiah berteraskan tauhid yang mencakupi:

- i. Percaya kepada Allah s.w.t
- ii. Percaya kepada Malaikat
- iii. Percaya kepada Kitab-kitab
- iv. Percaya kepada Rasul
- v. Percaya kepada Hari Akhirat
- vi. Percaya kepada Qada dan Qadar<sup>3</sup>

Asas-asas keimanan kepada Allah seterusnya dipupuk dan diperkukuhkan dengan dalil-dalil naqli dan aqli serta dikaitkan kesannya kepada kehidupan harian. Meneguhkan kepercayaan kepada Malaikat dengan memberi kefahaman tentang hakikat Malaikat, tugas-tugasnya dan implikasinya dalam kehidupan harian. Begitu juga dengan keimanan kepada Kitab-kitab suci yang diturunkan Allah diteguhkan dengan membincangkan tujuan semua kitab ini diturunkan dan tentang isi kandungan al-Qur'an khasnya. Meneguhkan keimanan kepada Rasul-rasul Allah dengan membicarakan jumlah para rasul, sifat-sifatnya serta implikasi kepercayaan kepadanya dalam kehidupan harian.<sup>4</sup>

Daripada asas-asas kepercayaan tadi dapat menimbulkan rasa cinta kepada Allah s.w.t dan Rasul-Nya, mentaati dan menyerah diri secara mutlak kepada Allah dalam setiap perilaku dan perbuatan harian.

Kemudian kepercayaan kepada Hari Akhirat diperkukuhkan dengan pembicaraan berkenaan:

- i. Ajal manusia, seksa kubur dan nikmatnya.
- ii. Konsep Hari Kiamat, dalil dan keadaannya, Hisab, Mizan, Sirat, Syurga dan Neraka.
- iii. Kesan mempercayai Hari Akhirat dalam hidup manusia.
- iv. Konsep Qada dan Qadar serta hikmatnya.
- v. Ikhtiar, Tawakkal dan amal manusia.<sup>5</sup>

Setelah asas keimanan diperkenalkan dengan lengkap diikuti pula dengan usaha menimbulkan kesedaran menghayati Islam sebagai ad-din mempengaruhi

---

<sup>3</sup>Lihat; *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam* 1988. h. 6.

<sup>4</sup>*Ibid*, h. 10-11.

<sup>5</sup>*Ibid*, h. 14-15.

cara hidup muslim bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Dalam konteks ini persoalan yang dibincangkan adalah:

- i. Islam sebagai agama pembawa rahmat kepada umat manusia dalam alam sejagat.
- ii. Peranan iman dalam mewujudkan ketenteraman dan kekuatan jiwa serta semangat pengorbanan untuk keluarga, masyarakat dan negara.<sup>6</sup>

Oleh kerana iman adalah sesuatu yang paling berharga dalam hidup, maka ia amat perlu dijaga daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Justeru itu, asas akidah ini diakhiri dengan memperkatakan perkara-perkara yang membatalkan iman dan dosa-dosa besar yang mesti dijauhi oleh setiap muslim.

Perkara-perkara yang menyentuh keimanan ini mencakupi syirik, kufur, riddah, khurafat, sihir dan nifaq. Manakala dosa-dosa besar pula termasuk menghina dan menderhakai dua ibu bapa, minum arak dan menagih dadah, berzina dan liwat, membunuh manusia, riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan perang dan menuduh zina.<sup>7</sup> Untuk mendapat jalan keluar daripada kesalahan-kesalahan itu dikemukakan konsep taubat serta cara-cara bertaubat kepada Allah s.w.t.

### **B. Bidang Tilawah al-Qur'an**

Selain daripada bidang Ulum Syar'iyah yang dibicarakan di atas terdapat pula bidang Tilawah al-Qur'an yang turut memperkuat keyakinan terhadap asas-asas akidah Islamiyah dengan dalil-dalil naqli daripada al-Qur'an. Di bawah ini dikemukakan ayat-ayat yang berkaitan di dalam pendidikan Islam KBSM, yang sebahagiannya terdiri daripada ayat-ayat kefahaman dan sebahagian lagi ayat-ayat hafazan.

Ayat-ayat al-Qur'an bidang Tilawah yang ada kaitan dengan asas akidah mengikut tingkatan pengajian.

- Tingkatan I : Surah al-Baqarah 2:3-4, 2:22, 2:37, 2:102, 2:155, 2:218, 2:249, 2:255, 2:256, 2:285.  
Surah al-Kahf 18:21, 18:23-24, 18:49
- Tingkatan II : Surah Ali Imran 3:15, 3:18, 3:26-27
- Tingkatan III : Surah al-Maidah 5:67  
Surah al'Araf 7:3, 7:57-58, 7:59, 7:65, 7:73, 7:80, 7:85, 7:172  
Surah al-Jumu'ah 62:1, 62:7, 62:11

---

<sup>6</sup>*Ibid*, h. 18.

<sup>7</sup>*Ibid*, h. 21.

- Tingkatan IV : Surah al-'An'am 6:163  
Surah Luqman 31:13, 31:16  
Surah al-Mu'minin 23:11
- Tingkatan V : Surah al-Tawbah 9:128, 9:129  
Surah al-Hasyr 59:21-24  
Surah al-Nur 24:35

Daripada pembentangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa isi pengajaran akidah Pendidikan Islam KBSM lebih terperinci berbanding dengan pendidikan Luqman yang hanya menyentuh persoalan tauhid sahaja. Namun demikian bukanlah bererti asas pendidikan Luqman tidak sempurna, kerana ia mengemukakan faktor yang paling asas dalam akidah. Jadi, dengan itu bererti pendidikan Luqman merumuskan pokok pangkal akidah, manakala pendidikan Islam KBSM melengkapkannya.

## **2. Asas Ibadah Dalam Pendidikan Islam KBSM**

Ibadah dalam Islam mempunyai erti yang sangat luas dan mendalam. Ia merangkumi ibadah-ibadah khusus seperti salat, puasa, zakat dan sebagainya. Juga ibadah dalam pengertian umum mencakupi segala aktiviti yang diredai dan tidak dilarang oleh Allah s.w.t.

Dalam hal ini, pendidikan Luqman telah meletakkan ibadah salat yang merupakan saluran utama hubungan manusia dengan Allah di tempat yang paling utama sebagai lambang pokok pangkal kepada ibadah khusus yang lain. Kerana salat bukan sahaja amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah di akhirat kelak, malah segala amalan lain bergantung kepada kesempurnaannya.<sup>8</sup>

Selain daripada itu, pendidikan Luqman juga memberikan penekanan kepada usaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemunkaran yang merupakan salah satu kewajipan muslim sama ada secara individu mahu pun jamaah atau organisasi. Kedua-dua bentuk ibadah tadi terdapat dalam firman Allah yang berbunyi:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوا اَقِمُوا الصَّلٰوةَ وَاْمُرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَاَنْهَٰ عَنِ الْمُنْكَرِ

*"Wahai anakku! Dirikanlah salat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang munkar?".<sup>9</sup>*

<sup>8</sup>Lihat, Muhammad bin Isa bin Surah, *Sunan al-Tirmidhi*, (Beirut: Dar al-Fikr 1400H-1980M), Jld. II, h. 269-270 (Bab Ma Ja' Anna Awwal Ma Yuhasab bih al-'Abd Yaum al-Qiyamah al-Salah).

<sup>9</sup>Surah Luqman, Ayat :17

Setelah meneliti asas ibadah dalam pendidikan Islam KBSM pula, maka didapati sebagai yang berikut:

### **A. Bidang Ulum Syar'iyah**

Didapati ia mulai dengan suatu pengetahuan yang amat asas dan penting iaitu memahami cara-cara bersuci mengikut hukum syarak dan mengamalkannya dengan sempurna. Huraian dibuat tentang perkara-perkara berikut:

- i. Kepentingan bersuci
- ii. Kesan bersuci dalam kehidupan individu dan masyarakat
- iii. Wuduk dan hikmatnya
- iv. Mandi dan hikmatnya
- v. Sertu dan samak serta cara-cara melakukannya<sup>10</sup>

Setelah itu, barulah memupuk iltizam menunaikan salat fardu dan sunat. Salat-salat fardu yang dimaksudkan bukan saja lima waktu sehari semalam malah termasuk juga salat jumaat dan jamaah serta kepentingannya. Manakala salat sunat pula termasuk sunat tahayyat masjid, sunat rawatib dan cara mengamalkannya. Selain daripada itu diperkenalkan salat jamak dan Qasar serta syarat-syaratnya.<sup>11</sup>

Oleh kerana salat adalah satu-satunya ibadah yang paling utama dan wajib dilakukan dalam semua keadaan, maka diterangkan juga cara-cara melakukannya dalam keadaan sakit dan perang. Begitu juga dijelaskan tentang salat-salat dalam suasana tertentu seumpama salat hajat, jenazah dan kepentingannya.<sup>12</sup>

Daripada huraian yang amat lengkap tentang salat, syarat-syarat dan jenis-jenisnya membuktikan bahawa penekanan pendidikan Islam KBSM terhadap ibadah salat ini sangat memuaskan, sebagaimana ianya juga ditekankan oleh pendidikan Luqman.

Selanjutnya dipupuk pula iltizam dengan ibadah puasa sama ada puasa fardu mahu pun sunat. Dalam konteks ini diterangkan perkara-perkara berikut:

- i. Puasa, kewajipan dan hikmatnya
- ii. Jenis-jenis puasa, hikmat dan cara melakukannya
- iii. Kekecualian dalam ibadah puasa
- iv. Qada' dan fidyah puasa
- v. Penghayatan bulan Ramadan

---

<sup>10</sup>Lihat, *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam*, h. 7.

<sup>11</sup>*Ibid*, h. 7, 11.

<sup>12</sup>*Ibid*, h. 15.

vi. Kelebihan Lailatul Qadar<sup>13</sup>

Daripada puasa berpindah pula kepada zakat. Kalau puasa mendidik jiwa, maka zakat mendidik pengorbanan harta. Zakat salah satu rukun yang terlibat langsung dengan kehidupan masyarakat dan ekonomi umat Islam. Untuk memperlihatkan keunggulan sistem zakat, satu perbincangan khas dimasukkan dalam sukatan dengan membicarakan tajuk berikut:

- i. Zakat dan kepentingannya dalam masyarakat Islam
- ii. Institusi pengurusan zakat di Malaysia<sup>14</sup>

Akhirnya, asas-asas ibadah ini memperlihatkan keunggulan ibadah Haji dan prinsip muamalah Islamiah dengan membincangkan perkara-perkara berikut:

- i. Konsep ibadah Haji dan kepentingannya
- ii. Rukun, wajib, keistimewaan dan sejarah ibadah Haji
- iii. Institusi pengurusan haji di Malaysia
- iv. Sembelihan, korban dan aqiqah serta fadilatnya<sup>15</sup>

Daripada pembentangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa isi pengajaran ibadah dalam pendidikan Islam KBSM lebih lengkap huraianya berbanding dengan pendidikan Luqman yang hanya tertumpu kepada amalan asasnya sahaja.

### **B. Bidang Tilawah al-Qur'an**

Di bawah ini akan disenaraikan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim yang ada kaitannya dengan asas ibadah dan sekaligus memperkuat perbincangan tentang ibadah tersebut. Ayat-ayat ini mencakupi ayat kefahaman dan hafazan yang terdapat dalam sukatan.

Tingkatan I : Surah al-Baqarah 2:3, 2:21, 2:45, 2:83, 2:186, 2:201, 2:250, 2:261, 2:286.

Surah al-Kahf 18:10

Tingkatan II : Surah Ali 'Imran 3:8, 3:104,

Surah al-Nisa' 4:43

Tingkatan III : Surah al-Maidah 5:35

Surah al-'Araf 7:23, 7:205

Surah al-Saf 61:4

Surah al-Jumu'ah 62:9-10

Tingkatan IV : Surah al-An'am 6:162

---

<sup>13</sup>*Ibid*, h. 11-12

<sup>14</sup>*Ibid*, h. 16

<sup>15</sup>*Ibid*, h. 19

Surah Luqman 31:17

Surah al-Mu'minin 23:2, 23:4, 23:9

Tingkatan V : Surah al-Tawbah 9:60, 9:103

Surah al-Nur 24:56

Surah al-Sajdah 32:16

Dari senarai di atas menunjukkan bahawa ruang lingkup ibadah yang meliputi ibadah khusus seperti salat dan ibadah umum seperti 'Amr bil Ma'ruf dan Nahy 'anil Munkar telah dimasukkan ke dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM.

### **3. Asas Akhlak Dalam Pendidikan Islam KBSM**

Misi Islam yang sebenarnya ialah mengarahkan manusia agar memiliki budi pekerti yang mulia dan luhur sesuai dengan tugasnya sebagai khalifah Allah di muka bumi. Justeru itu, pendidikan Luqman dalam pengajarannya menitikberatkan beberapa faktor utama yang menjadi asas kepada pembentukan peribadi yang mulia itu. Faktor-faktor tersebut antara lain ialah berbakti kepada ibu bapa, pengawasan diri terhadap Allah dan menghayati sifat-sifat terpuji seperti sabar, tidak takbur, tawaduk serta sederhana dalam setiap keadaan.<sup>16</sup>

Apabila kita kembali meneliti Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM, memang tidak didapati aspek akhlak ini dibicarakan secara khusus seperti mana aspek-aspek akidah dan ibadah. Namun demikian, terdapat di sana dua aspek lain iaitu aspek yang membicarakan tentang sifat-sifat serta cara hidup Islam yang bertujuan untuk membentuk peribadi pelajar ke arah tingkah laku muslim mukmin, dan aspek Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam yang bertujuan untuk mengetahui, mencontohi dan membangunkan kembali keagungan Islam. Kedua-dua aspek tadi dapatlah dimasukkan ke dalam asas Akhlak dalam kajian ini.

#### **A. Bidang Ulum Syar'iyah**

Pendidikan Islam KBSM memulau Asas Akhlak ini dengan menerap nilai-nilai, adab kesopanan dan akhlak mulia dalam kehidupan pelajar. Yang demikian termasuk adab dengan Allah s.w.t dan Rasul-Nya, adab dengan keluarga, guru, rakan-rakan dan jiran tetangga. Setelah itu menerapkan nilai akhlak dan sifat-sifat terpuji sebagai yang berikut:

- i. Rajin, tekun dan usaha serta penuh dedikasi
- ii. Berani dan benar
- iii. Bersikap sederhana

---

<sup>16</sup>Sila lihat, Surah Luqman 31:14, 15, 16, 17, 18 dan 19.



- iv. Berjimat cermat
- v. Sentiasa bersyukur
- vi. Berbudi bahasa
- vii. Berusaha memupuk perpaduan dan mencegah perpecahan
- viii. Amanah terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat
- ix. Sanggup berkorban sama ada jiwa, raga, harta dan kepentingan diri untuk kepentingan umum.<sup>17</sup>

Selain daripada itu, sukatan ini cuba mendedahkan kepada para pelajar kedudukan manusia dan alam sejagat ke arah melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi. Dalam hal ini, perbincangan tertumpu kepada kepentingan ilmu pengetahuan, menghormati hak-hak umum dan individu serta mengutamakan kepentingan ramai dan kepentingan perpaduan umat, kemajuannya dalam bidang ekonomi dan pendidikan.<sup>18</sup>

Akhirnya, menerapkan nilai akhlak dan pegangan hidup Islam yang boleh membawa kepada kemajuan diri dan umat. Nilai-nilai ini seperti toleransi, kesederhanaan, keadilan, menentang penyelewengan, semangat pengorbanan/jihad dan sabar.<sup>19</sup>

Manakala aspek Sirah Nabawiyah pula, didapati ianya turut memperkuatkan penghayatan terhadap nilai akhlak dan tingkah laku mulia yang dipelajari secara teori tadi dengan memahami secara amali faktor-faktor kejayaan dakwah Rasulullah s.a.w sebelum berhijrah ke Madinah al-Munawwarah, dan melihat kesan Islam membina dan menegakkan tamadun manusia melalui tokoh-tokoh Islam seumpama:

- i. 'Umar bin al-Khattab r.a.
- ii. 'Uthman bin 'Affan r.a.
- iii. 'Ali bin Abi Talib k.w.
- iv. Hamzah bin Abdul Muttalib r.a. dan lain-lain sebagainya<sup>20</sup>

Selain daripada itu, para pelajar didedahkan kepada perkembangan dan kemajuan Islam di zaman Bani Umayyah dan Abbasiyah di dalam bidang-bidang penyebaran Islam, ketenteraan, pendidikan, perekonomian dan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini ditonjolkan tokoh-tokoh terkemuka dahulu dan sekarang seperti:

---

<sup>17</sup>Lihat, *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam*, h. 6, 11 dan 15.

<sup>18</sup>*Ibid*, h. 18-19.

<sup>19</sup>*Ibid*, h. 22.

<sup>20</sup>*Ibid*, h. 12

- i. Ibn Rusyd
- ii. Ibn Khaldun
- iii. Syah Waliullah
- iv. Jamaluddin al-Afghani
- v. Muhammad Abduh
- vi. Hamka
- vii. Syeikh Tahir Jalaluddin<sup>21</sup>

Daripada analisis di atas dapatlah disimpulkan bahawa penekanan yang dibuat oleh pendidikan Islam KBSM khususnya dalam aspek akhlak ini adalah amat besar dan tinggi sekali. Kerana ia bukanlah sekadar pengajaran teori semata-mata, malah diikuti dengan contoh pelaksanaan yang ditunjukkan oleh sejarah Rasulullah s.a.w serta para sahabatnya, para imam madhhab seterusnya para ilmuan terkenal dahulu dan sekarang.

Dalam konteks Sirah Nabawiyah dan Tamadun Islam didapati ianya lebih menumpukan kepada sirah Rasulullah s.a.w dan perjuangannya menegakkan agama Allah s.w.t melalui pembersihan akidah dan pembinaan akhlak yang mulia. Memperlihatkan kepada para pelajar keunggulan perjuangan Rasulullah s.a.w dalam penyebaran dakwah Islamiah pada peringkat awal. Mendedahkan kepada para pelajar faktor-faktor kejayaan dakwahnya sebelum hijrah supaya dapat diambil pengajaran dan diteladani.

Setelah itu memperlihatkan manhaj Rasulullah s.a.w dalam tarbiah dakwah serta ciri-ciri penting kepimpinan baginda dalam usaha menyatupadukan umat dan membentuk negara Islam, melahirkan Piagam Madinah, Perjanjian Hdaybiah dan pembukaan Mekah.

Pendekatan seperti ini berbeza sama sekali dengan sukatan yang lama, di mana ianya lebih banyak menumpukan kepada peperangan-peperangan, faktor-faktor kejayaan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan Umayyah dan Abbasiyah, sebagai fakta sejarah yang tidak bakal berubah. Akan tetapi di sini menonjolkan keperibadian dan perjuangan Rasulullah s.a.w yang akan tetap menjadi sumber rujukan dan contoh teladan bagi manusia sepanjang zaman.

## **B. Bidang Tilawah Al-Qur'an**

Daripada bidang Tilawah al-Qur'an didapati pula banyak ayat-ayat al-Qur'an al-Karim yang menyangkut aspek akhlak ini. Di bawah ini disenaraikan ayat-ayat berkaitan, baik daripada ayat-ayat kefahaman, hafazan dan bacaan.

---

<sup>21</sup> *Ibid*, h. 22-23.

- Tingkatan I : Surah al-Baqarah 2:9, 2:37, 2:45, 2:60, 2:83, 2:155-156.  
Surah al-Kahf 18:28, 18:60-86
- Tingkatan II : Surah Ali 'Imran 3:159, 3:180  
Surah al-Nisa' 4:17-18, 4:86, 148-149
- Tingkatan III : Surah al-Maidah 5:2  
Surah al-A'raf 7:31  
Surah al-Saf 61:2-3
- Tingkatan IV : Surah LUqman 31:13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19.  
Surah al-Mu'minin 23:3, 23:5, 23:8.

Daripada senarai di atas dapatlah dirumuskan bahawa isi pengajaran akhlak bidang tilawah al-Qur'an pendidikan Islam KBSM adalah bertepatan dengan pengajaran Luqman yang menitikberatkan soal ketaatan kepada ibu bapa, muraqabah Allah, sabar, sederhana dalam bercakap dan berjalan, rendah diri. Malah ditambah lagi dengan sifat-sifat terpuji lain seumpama lemah lembut, murah hari, tolong menolong, amanah dan sebagainya.

### **Penutup**

Berdasarkan analisis di atas menunjukkan bahawa pada asasnya pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) selaras dan selari dengan pendidikan Luqman, kerana masing-masing berasaskan Akidah, Ibadah dan Akhlak. Dari segi skop dan isi kandungannya didapati pendidikan Luqman menumpukan kepada persoalan-persoalan pokok bagi setiap asas, manakala pendidikan Islam KBSM menunjukkan bahawa skopnya sesuai dengan tuntutan semasa dan peringkat pengajian para pelajar dari satu tingkatan ke satu tingkatan. Pada umumnya sukatan pelajaran pendidikan Islam KBSM telah memenuhi asas-asas dasar pengajaran Luqman, di samping mengambil kira prinsip-prinsip pendidikan daripada surah-surah yang lain daripada al-Qur'an al-Karim dan juga al-Sunnah al-Nabawiyah.

